

Factsheet CAT11

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 11: organisasi agama

Malay | Bahasa Melayu



Organisasi agama dikira sesuatu organisasi yang tujuan utamanya ialah menggalakkan sesuatu etos agama atau pemikiran agama.

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- pemimpin agama termasuk Ulama, Rabbi, Paderi, Pembantu Paderi, Imam, dan sebagainya yang dalam tugas biasa ada kontak dengan kanak-kanak
- Paderi Khas/Paderi Sandaran yang memberikan *communion* untuk kanak-kanak dalam jamaah umum
- pemimpin belia bergaji yang memberikan khidmat agama untuk belia yang datang ke gereja atau masjid setempat
- orang yang berkhidmat secara sukarela memberi pelajaran agama (misalnya, sekolah hari Minggu), menjalankan kegiatan remaja gereja atau sesi bercerita kisah agama untuk kanak-kanak
- khidmat paderi untuk orang-orang dalam komuniti agama, termasuk kanak-kanak
- **pelajar (students)** sekolah menengah dewasa yang membantu aktiviti kokurikulum agama yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugasnya yang biasa.

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa exemption untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun
- pelajar yang tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA

- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)
- acara nasional atau jelajah nasional sekali sahaja, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours.](#)

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au